

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Harian Metro

TARIKH : 19 Januari 2023

SITASI :

M/S : -

"Soo Wincci, Suki, Ara meriahkan Galeri Uniti Malaysia", *Berita Harian*, 19 Januari 2023

<https://www.hmetro.com.my/rap/2023/01/927348/soo-wincci-suki-ara-meriahkan-galeri-uniti-malaysia>

Di akses pada 20 Januari 2023



Soo Wincci, Suki, Ara meriahkan Galeri Uniti Malaysia

[Ridzuan Abdul Rahman](#)

mohamadridzuan@hmetro.com.my

Suki Low



Kuala Lumpur: Tiga artis terkenal negara, iaitu Dr Soo Wincci, Suki Low, Ara Johari dan penyampai radio, DJ Sonic akan terbahit dalam program Galeri Uniti Malaysia sempena Festival Tahun Baharu Cina yang berlangsung di AEON Klebang, Ipoh bermula hari ini hingga 21 Januari.

Program anjuran Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan kolaborasi AEON Co. ini menampilkan pelbagai aktiviti, penyertaan dan pertandingan disediakan khusus buat pengunjung yang hadir.

Pengunjung boleh menyertai Pameran Rumah Kami, Galeri Momen Uniti, Pertandingan Mewarna, Sukan Rakyat, Pertandingan Sand Art, Persembahan Kebudayaan & Pertunjukan Busana Tradisional, Meet & Greet bersama selebriti perpaduan dan Cabutan Bertuah.

Program ini akan dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan dan Hal Ehwal Masyarakat India, A Sivanesan jam 3 petang esok.

Kementerian yang diterajui Datuk Aaron Ago Dagang berkata, KPN sejak penubuhannya begitu giat memperkasa usaha-usaha menyemarakkan lagi semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

ADVERTISING

Menurut Datuk Aaron, inisiatif-inisiatif yang menerapkan nilai-nilai permuafakatan dan kebersamaan dalam kepelbagaian kaum menjadi tumpuan utama Kementerian dalam mendukung aspirasi perpaduan nasional.

Galeri Uniti Malaysia adalah sebuah program yang menghimpunkan detik-detik perpaduan merentasi sempadan kaum, agama, budaya dan bahasa.

Pelbagai aktiviti turut diatur yang bertujuan menyatupadukan masyarakat dan membuka ruang rakyat untuk saling berinteraksi antara satu sama lain.

Kelainan yang ditampilkan oleh kementerian pada 2023 melalui program ini adalah dengan memperkenalkan edisi berasaskan tema sambutan hari perayaan.

Penganjuran program kali ini turut disertai oleh barisan agensi seperti Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Muzium Malaysia, Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia.

Disiarkan pada: Januari 19, 2023 @ 2:06pm